

AKTIVITI 5 - TATABAHASA

5.1.2 – memahami dan menggunakan pelbagai kata adjektif dan kata penguat mengikut konteks yang betul.

B-TEKS
M/5150



Kata Adjektif dan Kata Penguat

Bahaya Ribut Petir

Angin malam yang dingin menderu masuk menerusi tingkap yang terbuka. Sarmeela yang sedang berbaring di atas katil bingkas bangun kerana mahu menutup tingkap biliknya. Sewaktu mahu menarik daun tingkap yang terkuak, Sarmeela sempat mendongak ke langit. Dalam samar-samar cahaya bulan, kelihatan awan hitam kumulonimbus sedang berarak. Sekali-sekala, panahan kilat menerangi suasana langit malam.

Setelah menutup tingkap, Sarmeela kembali ke katil lalu meneruskan pembacaannya.

LATIHAN

Lengkapkan cerita berikut dengan kata adjektif dan kata penguat diberi.



Tum...tam...bunyi guruh yang amat kuat berdentum dentam. Serentak dengan itu, suasana di dalam bilik Sarmeela menjadi gelap gelita.

"Aduhai, bekalan elektrik terputus pula!" Sarmeela merungut sambil teraba-raba di dalam kegelapan.

Sarmeela berasa sungguh cemas. Suasana di dalam biliknya sangat _____ dan _____. Dada Sarmeela berombak _____ kerana dia berasa _____ takut. Di luar, angin bertiup _____ kencang. Hujan pula turun dengan lebat _____. Sekali-sekala, panahan kilat memancarkan cahaya yang sangat terang kelihatan di langit. Sarmeela menjadi semakin _____.

Dalam keadaan teraba-raba, Sarmeela mengatur langkahnya. Langkahnya _____ sekali. Dia mahu mencari lampu suluh yang disimpan di dalam almarinya. Semasa sedang berjalan, Sarmeela tersepak sesuatu yang _____ keras. Sarmeela terjatuh ke lantai. Dia berasa amat sakit. Ketika itu, hujan masih turun dengan _____.

Tiba-tiba, lampu biliknya bernyala semula. Suasana gelap bertukar menjadi _____. Bekalan elektrik telah pulih. Sarmeela berasa sungguh gembira. Hatinya tenang semula.